

**Terma-Terma dan Syarat-Syarat  
Kempen CIMB CLICKS Year End Bonanza 2018**

1. Setiap sebutan “**CIMB**” merujuk kepada CIMB Bank Berhad (13491-P).

**Tempoh Kempen**

2. Kempen “CIMB Clicks Year End Bonanza 2018” adalah dianjurkan oleh CIMB (“**Kempen**”) dan akan berlangsung dari 01 Oktober 2018 hingga 31 Disember 2018, termasuk kedua-dua tarikh (“**Tempoh Kempen**”).
- 2A. CIMB menyimpan hak dengan memberikan notis terdahulu empat belas (14) hari kalendar untuk menukar jangka masa dan/atau tarikh-tarikh permulaan dan/atau penamatan Tempoh Kempen.

**Kelayakan**

3. Kempen ini adalah terbuka kepada semua pengguna CIMB Clicks baru dan sedia ada.
4. Orang/entiti yang berikut TIDAK akan layak untuk menyertai Kempen ini:
  - (i) Kakitangan atau pekerja tetap, kontrak dan/atau sambilan CIMB (termasuk subsidiari-subsidiari dan syarikat-syarikat berkenaanannya) dan ahli-ahli keluarga terdekat mereka (iaitu pasangan, anak, ibu bapa dan adik-beradik); dan/atau
  - (ii) Perkongsian, Organisasi/Pertubuhan Kebajikan/Bukan Keuntungan, Pelanggan Korporat dan Perdagangan, syarikat tersenarai awam, syarikat berhad swasta, kelab, persatuan dan koperasi; dan/atau
  - (iii) Individu di bawah umur lapan belas (18) tahun.

Dengan menyertai Kempen ini, Peserta Layak (ditakrifkan di sini) merepresentasi dan mengesah bahawa Peserta Layak tidak berada di bawah kategori orang/entiti di atas.

- 4A. Pendaftaran tidak diperlukan untuk menyertai Kempen ini.

(Peserta Layak hendaklah selepas ini secara kolektif dirujuk sebagai “**Peserta Layak**”).

**Mekanisme Kempen & Kriteria Penyertaan**

5. Hadiah-hadiah berikut disediakan kepada pemenang terpilih Kempen ini bagi setiap tempoh kempen bulanan (“**Tempoh Kempen Bulanan**”):

<b>Tempoh Kempen Bulanan</b>	<b>Hadiah &amp; Pemenang</b>
01 Okt – 31 Okt 2018	<b>Hadiah Utama</b> pulangan tunai RM50,000 x 1 pemenang
01 Nov – 30 Nov 2018	<b>Hadiah Saguhati</b> pulangan tunai RM100 x 500 pemenang
01 Dis – 31 Dis 2018	<i><u>Nota:</u></i> <i>Hadiah di atas adalah terpakai bagi setiap Tempoh</i>

	<i>Kempen Bulanan.</i>
--	------------------------

Setiap Hadiah Utama dan Hadiah Saguhati adalah dirujuk sebagai “**Hadiah**” dan secara kolektif dirujuk sebagai “**Hadiah-Hadiah**”.

6. Peserta Layak boleh memperolehi suatu penyertaan atau penyertaan-penyertaan (“**Penyertaan**” or “**Penyertaan-Penyertaan**”, mengikut mana-mana yang berkenaan) untuk memenangi Hadiah yang dirujuk dalam Klausa 5 dengan melakukan transaksi yang disenaraikan dalam jadual di bawah dan mengikut cara yang dinyatakan di dalamnya melalui laman web CIMB Clicks atau aplikasi mudah alih CIMB Clicks atau aplikasi mudah alih CIMB EVA:-

<b>Kriteria Penyertaan</b>	<b>No. Penyertaan</b>
Daftar satu ID CIMB Clicks	20X
Muat turun dan log masuk kali pertama ke aplikasi mudah alih CIMB Clicks atau aplikasi mudah alih CIMB EVA	20X
Log masuk minimum 3 kali semasa setiap Tempoh Kempen Bulanan ke laman web CIMB Clicks atau aplikasi mudah alih CIMB Clicks atau aplikasi mudah alih CIMB EVA	3X
Lakukan Bayaran Bil / e-Bayaran pada jumlah minimum RM50	10X
Lakukan “ <i>Mobile Prepaid Reload</i> ” pada jumlah minimum RM20	5X
Lakukan bayaran ke kredit kad CIMB atau bayaran pembiayaan pada jumlah minimum RM50	3X
Lakukan Pemindahan Dana dengan menggunakan <i>Interbank GIRO</i> (“ <b>IBG</b> ”) atau <i>Instant Transfer</i> (“ <b>IBFT</b> ”) pada jumlah minimum RM50	2X

(selepas ini secara kolektif dirujuk sebagai “**Transaksi Layak**”)

7. Semua penyertaan yang diperolehi semasa Tempoh Kempen Bulanan hanya akan diambil kira bagi Tempoh Kempen Bulanan tersebut dan tidak boleh dibawa ke hadapan ke Tempoh Kempen Bulanan seterusnya.

8. Bagi tujuan Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini:-

8.1 “**Bayaran Bil**” di bawah Kempen ini hendaklah bermaksud apa-apa transaksi bayaran bil yang dilakukan oleh Peserta Layak dengan log masuk laman web CIMB Clicks atau melalui aplikasi mudah alih CIMB Clicks atau aplikasi mudah alih CIMB EVA untuk melakukan Bayaran Bil di bahagian ‘*Pay Bills*’ berkenaan dengan laman web CIMB Clicks dan aplikasi mudah alih CIMB EVA dan di bahagian ‘*Pay & Transfer*’ berkenaan dengan aplikasi mudah alih CIMB Clicks dengan menggunakan mana-mana akaun-akaun Simpanan atau Semasa CIMB atau CIMB Islamik, akaun Kad Kredit CIMB atau *CIMB Kwik Account* Peserta Layak yang berdaftar dengan CIMB bagi kemudahan perbankan dalam talian CIMB Clicks.

8.2 “**e-Bayaran**” di bawah Kempen ini hendaklah bermaksud apa-apa bayaran yang dilakukan oleh Peserta Layak melalui pilihan bayaran elektronik (termasuk *FPX Online Payment Gateway*) dengan log masuk laman web CIMB Clicks.

- 8.3 **“Mobile Prepaid Reload”** di bawah Kempen ini hendaklah bermaksud apa-apa transaksi tambah nilai prabayar mudah alih yang dilakukan oleh Peserta Layak dengan log masuk laman web CIMB Clicks atau melalui aplikasi mudah alih CIMB Clicks atau aplikasi mudah alih CIMB EVA untuk melakukan tambah nilai prabayar mudah alih pada bahagian ‘Top Up’ dengan menggunakan mana-mana akaun-akaun Simpanan atau Semasa CIMB atau CIMB Islamik, akaun Kad Kredit CIMB atau *CIMB Kwik Account* Peserta Layak yang berdaftar dengan CIMB bagi kemudahan perbankan dalam talian CIMB Clicks.
- 8.4 **“Pemindahan Dana”** di bawah Kempen ini hendaklah bermaksud pemindahan dana atau bayaran yang dilakukan oleh Peserta Layak dengan log masuk laman web CIMB Clicks atau melalui aplikasi mudah alih CIMB Clicks (di bahagian ‘Pay & Transfer’) atau aplikasi mudah alih CIMB EVA untuk melakukan pemindahan dana atau bayaran melalui IBG atau IBFT ke akaun simpanan atau semasa, akaun kad kredit atau pinjaman bank lain dengan menggunakan mana-mana akaun-akaun Simpanan atau Semasa CIMB atau CIMB Islamik Peserta Layak yang berdaftar dengan CIMB bagi kemudahan perbankan dalam talian CIMB Clicks.
9. Pengesanan Transaksi Layak adalah berdasarkan pada tarikh dan masa transaksi (Waktu Malaysia) seperti yang dirakam oleh rekod transaksi CIMB semasa Tempoh Kempen.
10. Peserta Layak mengakui dan bersetuju bahawa penentuan oleh CIMB sama ada apa-apa transaksi tertentu adalah layak sebagai Transaksi Layak hendaklah menjadi konklusif dan tidak akan dicabar dalam apa-apa cara sekalipun.

### Proses Pemilihan Pemenang

11. Pada penamatan Tempoh Kempen, Peserta Layak di bawah Tempoh Kempen Bulanan tertentu akan disenarai pendek secara rawak oleh sistem pemilihan automatik berdasarkan jumlah Penyertaan yang diperolehi oleh Peserta Layak dalam Tempoh Kempen Bulanan tersebut (**“Peserta Disenarai Pendek”**).
12. (a) **Pemenang Hadiah Utama**
- (i) Bagi Hadiah Utama setiap Tempoh Kempen Bulanan, satu (1) Peserta Disenarai Pendek (**“Peserta Hadiah Utama Disenarai Pendek”**) akan dihubungi oleh CIMB melalui telefon pada nombor mudah alih mereka yang dikekalkan dalam rekod CIMB dan akan diperlukan untuk menjawab dua (2) soalan dengan betul sebelum diisytiharkan sebagai pemenang Hadiah Utama Tempoh Kempen Bulanan (**“Pemenang Hadiah Utama”**). Sekiranya Peserta Hadiah Utama Disenarai Pendek gagal menjawab soalan dengan betul dan/ atau tidak dapat dihubungi bagi apa-apa jua sebab, dua (2) percubaan akan dilakukan untuk menghubungi Peserta Hadiah Utama Disenarai Pendek. Apabila percubaan ketiga (ke-3) masih tidak berjaya, Peserta Hadiah Utama Disenarai Pendek tersebut akan dilucutkan kelayakan dan tidak akan layak memenangi Hadiah Utama. CIMB tidak akan dipertanggungjawabkan dalam apa jua cara sekiranya mana-mana Peserta Hadiah Utama Disenarai Pendek tidak dapat dihubungi bagi apa-apa jua sebab. Peserta Hadiah Utama Disenarai Pendek seterusnya akan dihubungi untuk mendapat peluang memenangi Hadiah Utama.

- (ii) CIMB mempunyai budi bicara tunggal untuk menentukan tarikh (Isnin-Jumaat) dan masa (9am-6pm) yang ditetapkan untuk membuat panggilan telefon kepada Peserta Hadiah Utama Disenarai Pendek. CIMB tidak akan bertanggungjawab bagi panggilan yang dibuat kepada Peserta Hadiah Utama Disenarai Pendek yang: (i) tidak diselesaikan atau terputus akibat daripada apa jua sebab; (ii) tidak dijawab atau tidak diteruskan akibat daripada ketiadaan Peserta Hadiah Utama Disenarai Pendek pada tarikh dan masa yang ditetapkan; dan/atau (iii) akibat daripada apa-apa sebab lain. CIMB menyimpan hak untuk merekodkan perbualan telefon ini.
- (iii) Bagi mengelakkan keraguan, semua caj telekomunikasi hendaklah ditanggung oleh Peserta Hadiah Utama Disenarai Pendek (termasuk caj perayauan yang ditanggung oleh Peserta Hadiah Utama Disenarai Pendek di luar Malaysia) akibat daripada CIMB menghubungi Peserta Hadiah Utama Disenarai Pendek dan CIMB tidak akan dipertanggungjawabkan bagi yang sama.

(b) **Pemenang Hadiah Saguhati**

- (i) Bagi Hadiah Saguhati, Peserta Disenarai Pendek akan diperlukan untuk menjawab satu (1) soalan dengan betul dengan membalaskan perkhidmatan pesanan ringkas (SMS) yang dihantar oleh CIMB kepada Peserta Disenarai Pendek ("**Peserta Hadiah Saguhati Disenarai Pendek**"). Lima ratus (500) Peserta Hadiah Saguhati Disenarai Pendek pertama yang membalas dengan jawapan betul akan diisytiharkan sebagai Pemenang Hadiah Saguhati ("**Pemenang Hadiah Saguhati**") bagi setiap Tempoh Kempen Bulanan. Bagi mengelakkan keraguan, hanya jawapan pertama yang diterima oleh CIMB akan diambil kira. Masa luput (iaitu tarikh dan masa) untuk menjawab soalan akan dinyatakan dalam SMS. Sekiranya mana-mana Peserta Hadiah Saguhati Disenarai Pendek gagal menjawab soalan dengan betul dan/ atau gagal membalas dalam masa luput yang diberi dan/ atau tidak dapat dihubungi bagi apa-apa jua sebab, Peserta Hadiah Saguhati Disenarai Pendek akan dilucutkan kelayakan untuk berpeluang memenangi Hadiah Saguhati. CIMB tidak akan dipertanggungjawabkan dalam apa jua cara sekiranya mana-mana Peserta Hadiah Saguhati Disenarai Pendek tidak dapat dihubungi bagi apa-apa jua sebab.
- (ii) Bagi mengelakkan keraguan, caj telekomunikasi piawai bagi balasan SMS akan dikenakan dan hendaklah ditanggung oleh Peserta Hadiah Saguhati Disenarai Pendek dan CIMB tidak akan dipertanggungjawabkan bagi yang sama.

Pemenang Hadiah Utama dan Pemenang Hadiah Saguhati hendaklah secara kolektif dirujuk sebagai "**Pemenang**".

13. Ia hendaklah merupakan tanggungjawab Peserta Layak untuk memastikan nombor mudah alih mereka yang dibekalkan adalah terkini dan dikemaskini dengan CIMB. CIMB tidak akan bertanggungjawab bagi apa-apa kehilangan (termasuk kehilangan peluang atau kehilangan hadiah) yang dialami sekiranya nombor mudah alih Peserta Layak dalam rekod CIMB bukan terkini atau betul.
14. Semua sesi soal dan jawab akan diadili dan diputuskan oleh panel hakim yang dipilih oleh CIMB dan keputusan panel hakim yang dipilih oleh CIMB adalah muktamad dan terikat.
15. Setiap Peserta Layak akan dibenarkan memenangi maksimum satu (1) Hadiah sahaja di bawah Kempen ini, iaitu Hadiah Utama atau Hadiah Saguhati.

16. CIMB akan memberitahu Pemenang melalui paparan komunikasi elektronik pada laman web CIMB di [www.cimbclicks.com.my](http://www.cimbclicks.com.my) atau mel elektronik atau SMS ke nombor mudah alih Pemenang atau dengan apa-apa cara pemberitahuan lain yang boleh dipilih oleh CIMB. Pemenang akan menerima Hadiah dalam lapan (8) hingga sepuluh (10) minggu selepas penamatan Tempoh Kempen.
17. Pada masa pemilihan Pemenang, akaun-akaun Simpanan atau Semasa CIMB atau CIMB Islamik, akaun Kad Kredit CIMB atau *CIMB Kwik Account* Pemenang terpilih (i) MESTI berada dalam keadaan baik; dan (ii) MESTI TIDAK memungkiri mana-mana Terma-Terma dan Syarat-Syarat di sini dan/atau perjanjian-perjanjian yang mengawal akaun-akaun Simpanan atau Semasa CIMB atau CIMB Islamik atau akaun Kad Kredit CIMB atau *CIMB Kwik Account*; dan (iii) MESTI TIDAK ditamatkan atau ditutup atau tertakluk kepada apa-apa penahanan, perintah bertentangan yang dilakukan oleh Mahkamah atau mana-mana pihak berkuasa yang dibenarkan oleh undang-undang, berdelinkuen, dan/ atau tidak sah atau dibatalkan seperti yang ditentukan oleh CIMB semasa Tempoh Kempen dan/atau sebelum pengkreditan Hadiah, jika tidak mereka akan dilucutkan kelayakan daripada menyertai dalam Kempen ini dan/atau menjadi Pemenang dalam Kempen ini.
18. Pemenang mesti tidak menutup atau menjadikan akaun-akaun Simpanan atau Semasa CIMB atau CIMB Islamik, akaun Kad Kredit CIMB atau *CIMB Kwik Account* beliau ditutup atau ditamatkan. Mana-mana Pemenang yang akaun-akaun Simpanan atau Semasa CIMB atau CIMB Islamik, akaun Kad Kredit CIMB atau *CIMB Kwik Account* beliau telah tutup atau tamat sebelum apa-apa Hadiah dianugerahkan kepada beliau di bawah Kempen ini tidak akan layak untuk menerima apa-apa Hadiah di bawah Kempen ini.
19. Pemenang dikehendaki untuk menyertai majlis penyampaian hadiah dan/atau program publisiti lain sebagaimana dan apabila dikehendaki oleh CIMB pada kos dan perbelanjaan sendiri Pemenang. Sekiranya Pemenang gagal menghadiri majlis tersebut dan/atau program publisiti lain, CIMB menyimpan hak untuk melucutkan Hadiah Pemenang dan memilih seorang Pemenang alternatif.
20. Hadiah akan dikreditkan ke dalam akaun-akaun Simpanan atau Semasa CIMB atau CIMB Islamik, akaun Kad Kredit CIMB atau *CIMB Kwik Account* Pemenang seperti yang dipilih oleh CIMB. CIMB tidak akan melayan apa-apa permintaan daripada Pemenang untuk mengkreditkan Hadiah ke akaun-akaun Simpanan atau Semasa CIMB atau CIMB Islamik, akaun Kad Kredit CIMB atau *CIMB Kwik Account* lain Pemenang atau akaun-akaun Simpanan atau Semasa CIMB atau CIMB Islamik, akaun Kad Kredit CIMB atau *CIMB Kwik Account* mana-mana pihak ketiga.

#### **Terma-Terma dan Syarat-Syarat Am**

21. Dengan menyertai Kempen ini, Peserta Layak dianggap telah membaca, memahami dan bersetuju untuk terikat oleh Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini serta memberi kuasa kepada CIMB untuk memproses dan mendedahkan data peribadi mereka menurut Notis Privasi Kumpulan CIMB yang boleh didapati di [www.cimbbank.com.my](http://www.cimbbank.com.my) dan/atau [www.cimbislamic.com.my](http://www.cimbislamic.com.my) dan bersetuju bahawa semua keputusan yang dilakukan secara adil dan munasabah oleh CIMB berkenaan dengan setiap aspek Kempen ini, termasuk Hadiah yang diberikan dan penentuan Pemenang Hadiah Utama dan Pemenang Hadiah Saguhati, hendaklah muktamad, terikat dan konklusif.

22. CIMB menyimpan hak mengikut budi bicara tunggalnya untuk melucutkan kelayakan mana-mana Peserta Layak yang ia tentukan telah mengganggu proses penyertaan, atau bertindak memungkirkan atau berpotensi memungkirkan Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini.
23. CIMB menyimpan hak untuk menggantikan Hadiah dengan item lain yang mempunyai kos setara dan/atau melanjutkan, memendekkan, memberhentikan, membatalkan, menamatkan atau menggantungkan Kempen ini dengan memberikan notis terdahulu empat belas (14) hari kalendar kepada Peserta Layak. Bagi mengelakkan keraguan, apa-apa pelanjutan, pemendekan, pemberhentian, pembatalan, penamatan atau penggantungkan Kempen ini oleh CIMB tidak akan melayakkan mana-mana Peserta Layak atau mana-mana orang lain jua kepada apa-apa tuntutan atau pampasan terhadap CIMB bagi apa-apa kerugian atau kehilangan yang dialami atau ditanggung oleh Peserta Layak akibat secara langsung atau tidak langsung oleh tindakan pelanjutan, pemendekan, pemberhentian, pembatalan, penamatan atau penggantungkan Kempen ini.
24. Dengan menyertai Kempen ini, Peserta Layak dengan ini bersetuju bahawa CIMB tidak akan dalam apa jua cara bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan kepada Peserta Layak sekiranya CIMB tidak dapat melaksanakan secara keseluruhan atau sebahagian apa-apa kewajibannya di sini, yang boleh dikaitkan secara langsung atau tidak langsung kepada kegagalan mana-mana peranti mekanikal atau elektronik, sistem pemrosesan data, talian penghantaran, kegagalan elektrik, pertikaian industri, peperangan, mogok, rusuhan, apa-apa tindakan "*act of God*" di luar kawalan CIMB atau disebabkan oleh apa-apa faktor dalam sifat *force majeure* di luar kawalan munasabah CIMB.
25. CIMB tidak akan bertanggungjawab kepada mana-mana Peserta Layak atau mana-mana pihak atas apa-apa kehilangan atau kerugian apa jua sifat sekalipun yang dialami (termasuk tetapi tidak terhad kepada, kehilangan pendapatan, keuntungan atau nama baik, secara langsung atau tidak langsung, sampingan, berbangkit, teladan, punitif atau ganti rugi khas mana-mana pihak) walau bagaimanapun ia timbul, berkenaan dengan penyertaan atau bukan penyertaan dalam Kempen ini termasuk yang timbul daripada kegagalan penerimaan atau kelewatan penerimaan Peserta Layak SMS melainkan ia timbul daripada dan disebabkan secara langsung oleh kecuaiannya melampau atau keingkaran sengaja CIMB.
26. CIMB menyimpan hak untuk meminda (sama ada dengan penambahan, pemadaman, pengubahsuaian, pindaan atau apa-apa jua) mana-mana Terma-Terma dan Syarat-Syarat di sini ("**Pindaan**") dengan memberikan notis terdahulu dua puluh satu (21) hari kalendar kepada Peserta Layak.
27. Pemberitahuan kepada Peserta Layak berkenaan dengan pelanjutan, pemendekan, pemberhentian, pembatalan, penamatan atau penggantungkan Kempen ini atau Pindaan boleh dilaksanakan mengikut budi bicara mutlak CIMB melalui mana-mana satu kaedah komunikasi berikut, iaitu, melalui paparan komunikasi elektronik di laman web CIMB di [www.cimbclicks.com.my](http://www.cimbclicks.com.my) atau melalui mel elektronik atau melalui SMS ke nombor mudah alih Peserta Layak atau melalui apa-apa kaedah pemberitahuan lain yang boleh dipilih oleh CIMB dan pelanjutan, pemendekan, pemberhentian, pembatalan, penamatan atau penggantungkan Kempen ini atau Pindaan akan dianggap terikat ke atas Peserta Layak dari tarikh pemberitahuan tersebut atau dari tarikh lain seperti yang boleh ditentukan oleh CIMB dalam pemberitahuan. Peserta Layak mengakui dan bersetuju untuk mengakses laman web CIMB secara berkala untuk menyemak Terma-Terma dan Syarat-Syarat Kempen dan memastikan bahawa mereka sentiasa mengikuti apa-apa perubahan atau pindaan kepada Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini.

- 27A. Tiada pampasan dalam tunai atau apa jua jenis akan diberikan kepada Peserta Layak untuk apa-apa kerugian atau kehilangan yang dialami atau ditanggung oleh Peserta Layak sebagai akibat langsung atau tidak langsung oleh Pindaan Terma-Terma dan Syarat-Syarat di sini.
28. Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini (seperti yang dipinda dari semasa ke semasa menurut Klausula 26) hendaklah mengatasi mana-mana peruntukan atau representasi yang terdapat dalam mana-mana bahan promosi lain yang mengiklankan Kempen ini. Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini akan dibaca bersama dengan terma-terma dan syarat-syarat semasa Perjanjian Perbankan Internet CIMB Clicks dan terma-terma dan syarat-syarat yang mengawal akaun-akaun Simpanan atau Semasa CIMB atau CIMB Islamik, akaun Kad Kredit CIMB atau *CIMB Kwik Account* yang akan digunapakai sebagai tambahan kepada Terma-Terma dan Syarat-Syarat di sini.
29. Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, CIMB secara nyata mengecualikan dan menafikan apa-apa representasi, waranti atau pengendorsan, secara tersirat ataupun tersurat, bertulis atau lisan, ke atas semua Hadiah dan tidak menanggung apa-apa tanggungjawab ke atas Hadiah yang ditawarkan di bawah Kempen ini. CIMB tidak akan melayan apa-apa jua aduan berkenaan dengan Hadiah.
30. Dengan menerima Hadiah, Pemenang bersetuju untuk tidak mempertanggungjawabkan CIMB dan sekutu-sekutunya dan pengarah-pengarah, pegawai-pegawai, pekerja-pekerja dan ejen-ejen mereka masing-masing daripada dan terhadap apa-apa tuntutan, tindakan, prosiding, penghakiman, kerosakan, kerugian, perbelanjaan atau liabiliti yang ditanggung oleh CIMB dan sekutu-sekutunya dan pengarah-pengarah, pegawai-pegawai, pekerja-pekerja dan ejen-ejen mereka masing-masing berkenaan dengan penyertaan Pemenang dalam Kempen ini atau penerimaan, penebusan atau penggunaan Hadiah. Semua risiko, kerugian, kerosakan atau kecederaan berkenaan dengan penggunaan Hadiah hendaklah ditanggung oleh Pemenang.
31. CIMB tidak menerima apa-apa tanggungjawab bagi apa-apa implikasi percukaian yang boleh timbul daripada Hadiah atau penggunaannya. Apa-apa kewajipan pemfailan cukai atau apa-apa pembayaran cukai tertunggak kepada mana-mana pihak berkuasa akibat daripada penerimaan Hadiah akan kekal menjadi tanggungjawab tunggal Pemenang. Ia adalah tanggungjawab setiap Pemenang untuk mendapatkan nasihat bebas berkenaan dengan implikasi berpotensi yang mungkin wujud ke atas keadaan kewangan beliau.
32. CIMB menyimpan hak untuk menerbitkan atau memaparkan nama, gambar dan bandar kediaman mana-mana Pemenang untuk tujuan pengiklanan dan publisiti dalam apa-apa cara yang dianggapnya sesuai. Dengan menyertai Kempen ini, Pemenang dengan ini memberi kebenaran dan bersetuju bahawa CIMB adalah bebas untuk menerbitkan nama, gambar dan bandar kediamannya tanpa pampasan bagi tujuan pengiklanan dan publisiti. Ketidakpatuhan boleh menyebabkan Pemenang alternatif dipilih.
33. Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini hendaklah tertakluk kepada pemakaian mana-mana undang-undang, garis panduan, arahan, notis, peraturan yang digubal dan/atau mana-mana undang-undang bertulis semasa lain atau yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia atau mana-mana badan lain yang mempunyai kuasa penyeliaan ke atas CIMB berkenaan dengan atau terpakai terhadap Kempen atau apa-apa perkara di sini.
34. Sekiranya terdapat sebarang ketidaksejajaran, percanggahan, kesamaran atau kepincangan di antara versi Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris Terma-Terma dan

Syarat-Syarat di sini, versi Bahasa Inggeris Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini akan mengatasi yang lain. Walau apa pun yang dinyatakan di atas, di mana permintaan telah dibuat oleh Peserta Layak dan dicatat dan diakui oleh CIMB dalam rekodnya bahawa versi Bahasa Malaysia Terma-Terma dan Syarat-Syarat telah dipilih oleh Peserta Layak untuk mengawal operasi Kempen ini, maka versi Bahasa Malaysia Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini akan mengatasi yang lain.

35. Bagi maklum balas dan/atau aduan berkenaan dengan Kempen, Peserta Layak boleh menghubungi Unit Resolusi Pelanggan CIMB yang mempunyai alamat, nombor-nombor telefon dan faksimile yang berikut (atau mempunyai alamat, nombor-nombor telefon dan faksimile lain sepertimana yang boleh ditukarkan oleh CIMB melalui pemberitahuan kepada Peserta Layak): Unit Resolusi Pelanggan, Peti Surat 10338, Pejabat Pos Besar Kuala Lumpur, 50710 Wilayah Persekutuan Tel: 603 6204 7788/Faks: 603 2691 3248/Emel: [cru@cimb.com](mailto:cru@cimb.com).